

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-

kajian Kerajaan terhadap BMT ataupun Bus-Mass-Transport di bandar-bandar di luar Lembah Klang. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan BMT di mana-mana bandar.

SOALAN NO.65

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tiada sebarang cadangan untuk BMT ataupun Bus-Mass-Transport.

Walaupun, melalui kajian Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) yang sedang dibangunkan, pihak SPAD akan melihat kepada koridor kesalinghubungan yang berpotensi seterusnya akan mencadangkan mod pengangkutan awam yang bersesuaian bagi koridor tersebut dengan turut mengambilkira sistem rel, bas dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.